



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad
Menteri Wilayah Persekutuan**

Merasmikan

**Hari Psikologi Dan Integriti
Kementerian Wilayah Persekutuan**

Pada

**31 Oktober 2018 (Rabu)
12.30 tengah hari
Dewan Serbaguna, Blok 1,
Menara Seri Wilayah**

SALUTATIONS (akan diselaraskan kemudian)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Md. Ikhsan,
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar ,
TKSU (Pengurusan & Sosio Ekonomi)
Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib,
TKSU (Perancangan & Pembangunan)
Kementerian Wilayah Persekutuan

Ketua-Ketua Agensi, Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga Kementerian Wilayah Persekutuan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada hari ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat baginda.
2. Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Integriti, Kementerian Wilayah Persekutuan selaku penganjur program ini dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan Wilayah Persekutuan (KESWIP), PUSPANITA dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Sesungguhnya program ini merupakan satu usaha kementerian untuk memupuk kesejahteraan psikologi dan menyemarakkan semangat berintegriti dalam kalangan warga kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

Sambutan Hari Psikologi dan Integriti 2018

Para hadirin sekalian,

3. Hari Psikologi disambut selari dengan sambutan Hari Kesejahteraan Mental Sedunia yang diisytiharkan oleh *World Health Organization* (WHO) pada 10 Oktober setiap tahun. Bersempena dengan ini juga, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Bulan Kaunseling Kebangsaan pada 1 Oktober 2018 yang lalu.

4. Manakala Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia.
5. Hari Psikologi dan Integriti peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini dengan tema “Kesejahteraan Psikologi Pemangkin Insan Berintegriti” dipenuhi dengan Perkongsian Ilmu berkaitan simptom dan isu kesihatan mental iaitu “Pekerja Sihat, Keluarga Sejahtera” yang mengupas mengenai peranan pekerja yang sihat dalam mencorak keluarga yang sejahtera dan slot “Integriti dan Tadbir Urus Dalam Perkhidmatan Awam” akan mengupas mengenai isu integriti dan tadbir urus dalam perkhidmatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Dalam kita menyambut Hari Psikologi dan Integriti ini, tahukah kita apa sebenarnya makna psikologi dan integriti ini. Kita tidak mahu menjadi warga yang seronok menyambut hari itu dan ini, tetapi kita sendiri tidak tahu dan tidak peduli apa makna dan takrifan kedua-dua perkataan ini. Perkataan Psikologi berasal dari bahasa latin, iaitu “*psyche*” dan “*logos*”. *Psyche* bererti jiwa,

sedangkan *logos* bererti pengetahuan. Dengan ini, pengertian psikologi adalah ilmu yang mempelajari tentang kejiwaan. Setiap manusia mempunyai disiplin dan kekuatan diri yang berkait rapat dengan kesejahteraan emosi.

7. Cabang ilmu psikologi berperanan besar dalam membina kekuatan watak yang bercirikan sifat unggul kemandirian, kecekalan, keyakinan dan semangat kebersamaan yang kental. Ia berupaya menggali potensi diri yang selama ini kurang disedari dalam jiwa setiap individu agar terus utuh mengharungi tempuhan dan cabaran.
8. Manakala integriti kepada penjawat awam pula adalah disiplin dan kekuatan diri yang utuh yang mencerminkan watak dan keperibadian diri yang unggul dengan bertindak secara beramanah kepada kuasa dan tugas, telus, tulus, tiada konflik peribadi, mempunyai akauntabiliti dan patuh kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya berlaku konflik kepentingan, keutamaan harus diberikan kepada kepentingan awam. Punca ketirisan integriti adalah daripada dalam diri individu itu sendiri yang ada kalanya mengatasi prosedur dalaman, struktur dan sistem sedia ada.

KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI

Para hadirin sekalian,

9. Dengan cabaran kehidupan sekarang yang semakin mencabar, kekuatan psikologi amat penting kerana Statistik Tinjauan

Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan menjelang 2020, penyakit mental dijangka menjadi penyakit yang ke-2 tertinggi selepas penyakit jantung. Melihat kepada umur pesakit, setiap 3 daripada 10 rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas (atau 29.2%) mengalami pelbagai masalah kesihatan mental. Manakala Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendakwa, 30% daripada 1.6 juta penjawat awam di negara ini menghadapi masalah psikiatri berikutan bebanan kerja semakin bertambah. Namun penyakit mental masih disalah faham di Malaysia. Ada yang menyamakan penyakit mental dengan kurang waras, manakala segolongan besar gagal mengenali tanda dan simptom penyakit terbabit. Antara penyakit mental umum adalah kemurungan, keresahan, gangguan bipolar dan skizofrenia. Berbanding lelaki, wanita lebih mudah mengalami gangguan mental berpunca daripada pelbagai tekanan. Salah satu punca yang telah dikenal pasti adalah tekanan di tempat kerja dan masalah kewangan. Gangguan mental ini menyebabkan wanita akan berhadapan kemurungan sehingga mendorong mereka membunuh diri. Pensyarah Kanan, Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr. Mohd Suhaimi Mohamad berkata, kesihatan mental di tempat kerja adalah sesuatu yang perlu diambil peduli. Menurut Pakar Perunding Psikiatri, Pusat Pakar Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Ng Chong Guan, ramai pesakit mental enggan mendapatkan rawatan disebabkan malu dan merasakan mereka tidak sakit. Kebanyakannya lebih gemar menyimpan masalah, tidak mahu berkongsi dengan keluarga

atau rakan sehingga akhirnya tekanan sukar dikawal. Ada pula bertindak ganas dengan mencederakan diri sendiri.

10. Melalui program psikologi yang dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, saya yakin, warga kerja Kementerian Wilayah Persekutuan telah disediakan dengan perkhidmatan psikologi yang berkualiti. Ini dibuktikan dengan pencapaian Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kualiti 5 Bintang bagi Audit Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) Jabatan Perkhidmatan Awam 2017.

Program Pembudayaan Integriti

Para hadirin sekalian,

11. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Sehubungan itu, Kementerian sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berdaya saing tinggi.
12. Sejak penubuhannya pada 2013, Unit Integriti KWP sentiasa mengambil langkah untuk menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik, membina kompetensi meningkatkan

keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja khususnya di Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

13. Program-program yang disusunatur ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan berintegriti khususnya kepada warga KWP dan agensi di bawahnya. Pembudayaan amalan integriti ini diharap dapat melahirkan warga kerja yang lebih efisien, produktif dan beretika serta mampu untuk mewujudkan mekanisme kawalan bagi memastikan peraturan dan dasar yang telah ditetapkan dipatuhi seterusnya mengurangkan statistik kesalahan tatatertib di Kementerian ini.

Kesimpulan

Para hadirin sekalian,

14. Saya berharap penganjuran Hari Psikologi dan Integriti peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan ini akan dapat mencapai tujuan penganjurannya iaitu :
 - Untuk memupuk kesedaran dalam kalangan anggota di Kementerian dan Agensi-agensi lain di bawahnya mengenai isu-isu kesihatan mental dan menyediakan peluang dalam mendidik dan keperluan menjaga kesihatan mental; dan

- Menyemarakkan semangat warga KWP agar lebih berintegriti dan mengamalkan ciri-ciri keperibadian yang tinggi. Ini adalah sangat penting kerana dengan adanya integriti, keutuhan peribadi dan kesejahteraan emosi, ianya boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
15. Mengambil kira perubahan persekitaran kerja yang kompleks pada masa kini, dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang maka sudah tentulah kita amat memerlukan warga kerja yang komited dalam menjalankan tugas seharian dan kreatif untuk melakukan perubahan ke arah mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai.
 16. Dengan itu, sambutan Hari Psikologi dan Integriti 2018 ini, diharap ia dapat menerapkan lagi integriti, etika kerja yang unggul serta mewujudkan kesejahteraan emosi dalam kalangan warga Kementerian dan sekaligus meningkatkan imej Kementerian.

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Integriti Kementerian Wilayah Persekutuan selaku penganjur program ini dengan kerjasama Kelab KESWIP, PUSPANITA dan AKRAB serta semua pihak yang turut serta menjayakan program ini.

Dengan lafaz

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

saya dengan ini merasmikan
Hari Psikologi dan Integriti Kementerian Wilayah bagi Tahun 2018.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum W.B.T.